

17 Februari 2016

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Ulangan Persijilan RSPO Bagi Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Kilang Kelapa Sawit Elphil – Sungai Siput, Perak, Malaysia**

Sime Darby Plantation Sdn Bhd (RSPO Membership No: 1-0008-04-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian ulangan persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Elphil dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 3 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Sungai Siput, Perak, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan ulangan Kilang Kelapa Sawit Elphil pada 22 hingga 25 Mac 2016. Penilaian ulangan akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills: 21 November 2014. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit Elphil dan Ladang – Ladang</b>	
Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Elphil
Kapasiti Kilang (mt/jam)	45
Lokasi	Sungai Siput, Perak, Malaysia
Alamat	Kilang Kelapa Sawit Elphil, Sungai Siput Utara 31100 Sungai Siput, Perak, Malaysia
Rujukan GPS	101°5' 37" E ; 4°53' 24" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2016) (MT)	36,775 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2016) (MT)	9,989 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2016) (MT)	127,158 mt

<b>Ladang</b>	<b>Rujukan GPS</b>	<b>Kawasan Matang (Ha)</b>	<b>Kawasan Belum Matang (Ha)</b>	<b>Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)</b>	<b>Anggaran Pengeluaran FFB untuk Tahun 2015 (MT)</b>
Elphil	101°5' 37" E ; 4°53' 24" N	1,600	76	1,876	39,197
Kamuning	101°3' 35" E ; 4°50' 41" N	3,049	511	3,889	68,526
Kinta Kellas	101°4' 59" E ; 4°28' 0" N	731	219	1,061	19,435
<b>TOTAL</b>		<b>5,380</b>	<b>806</b>	<b>6,826</b>	<b>127,158</b>

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit ulangan di Kilang Kelapa Sawit Elphil dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**Mr. Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang dan Kilang Kelapa Sawit, Alam Sekitar, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran); **Mr. Muhd Haris Abdullah** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Alam Sekitar, Aspek undang-undang, HCV dan Sosial); **Mr. Mohamed Hidhir Bin Zainal Abidin** sebagai juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Kilang Kelapa Sawit, Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Alam Sekitar, Aspek Undang-Undang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**RSPO Scheme Manager**

Senniah Appalamy  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
B-08-01(East), Level 8,  
Block B, PJ8, No. 23,  
Jalan Braat, Seksyen 8,  
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Fax: +603-7960 5801  
Email: [senniah.appalamy@bsigroup.com](mailto:senniah.appalamy@bsigroup.com)

**DAN/ATAU****Auditee:**

Puan Sabarinah Marzuki  
Head, RSPO & Certification Unit,  
PSQM Department,  
Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.  
No.2 Plantation Tower, Jalan PJU 1A/7,  
47301 Ara Damansara, Selangor, Malaysia.  
Fax : +603-7848 4363  
Email : [sabarinah.marzuki@simedarby.com](mailto:sabarinah.marzuki@simedarby.com)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Senniah Appalamy  
RSPO Scheme Manager

BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
B 08-01 (East), Level 8,  
Block B, PJ 8, No. 23,  
Jalan Barat, Seksyen 8,  
46050 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

T: +603 7960 5801  
F: +603 7960 7801  
[info.malaysia@bsigroup.com](mailto:info.malaysia@bsigroup.com)  
[www.bsigroup.com.my](http://www.bsigroup.com.my)

